

MINIT
MESYUARAT BERSAMA JABATAN
BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH
JABATAN PERDANA MENTERI
BILANGAN 3 TAHUN 2025

Tarikh : Khamis, 10 Oktober 2025
Masa : 3.00 Petang
Tempat : Galeri 1, Level 2, Hotel Le Meridien
IOI Resort City, Putrajaya
Pengerusi : YBrs. Tuan Mohd Iqbal bin Mohd Noor
Setiausaha Bahagian BPH
Kehadiran : **LAMPIRAN A**

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
I.	PERUTUSAN Pengerusi	2
II.	ALUAN Pengerusi Pihak Pekerja	6
III.	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT	7
IV.	MAKLUMBALAS PERKARA BERBANGKIT	7
V.	PEMBENTANGAN USUL BAHARU (rujuk Lampiran B)	10
VI.	HAL-HAL LAIN	10
VII.	PENANGGUHAN MESYUARAT	10
	LAMPIRAN A : SENARAI KEHADIRAN	11
	LAMPIRAN B : USUL BAHARU	14

- (g) bahawa YBrS. Tuan Pengerusi turut menyeru agar semua ahli dapat memberi keutamaan kepada isu-isu yang boleh diselesaikan dalam jangka masa yang singkat dan diambil tindakan segera tanpa perlu menunggu mesyuarat berikutnya. Pendekatan proaktif ini akan memastikan setiap permasalahan dapat ditangani dengan cekap dan berkesan.

Makluman

(1) SALAM TAKZIAH KEPADA WARGA KERJA BPH

- (h) bahawa YBrS. Tuan Pengerusi merakamkan ucapan takziah kepada Puan Harliza binti Abdullah @ Abd Halim dari Unit Kewangan, Seksyen Khidmat Pengurusan (SKP) di atas kematian Ayahanda beliau Allahyarham Abdullah @ Abd Halim bin Hassan pada 22 September 2025 yang lalu disebabkan kemalangan jalan raya. Semoga ditempatkan dalam kalangan para solihin dan didoakan semua urusan dipermudahkan; dan
- (i) bahawa YBrS. Tuan Pengerusi turut merakamkan ucapan takziah kepada Puan Nik Fairus Natakha bin Rahmat dari Seksyen Pengurusan Rumah Peranginan di atas kematian Ayahanda beliau Allahyarham Encik Rahmat bin Senik.

(2) PENGHARGAAN

(a) Pasukan Perahu Panjang BPH

- (i) bahawa YBrS. Tuan Pengerusi merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Pasukan Perahu Panjang BPH atas kejayaan menduduki tempat ketiga dalam Pertandingan Perahu Panjang Tahun 2025 bagi Kategori Agensi Penguatkuasaan Putrajaya anjuran Perbadanan Putrajaya yang telah diadakan pada 26 hingga 28 September 2025;

(3) PENGURUSAN KEWANGAN

- (a) bahawa YBrS. Tuan Pengerusi memaklumkan, selaras dengan Perenggan 6 (12) Arahan Dalam Kewangan Bil.1 Tahun 2025 BPH, Tuntutan Elaun Perjalanan bagi pegawai yang bekerja lebih masa di pejabat hanya dibenarkan untuk tugas yang dilaksanakan pada hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum untuk tempoh yang melebihi 4 jam pada hari bekerja lebih masa tersebut;
- (b) bahawa YBrS. Tuan Pengerusi menjelaskan kekeliruan di kalangan pegawai yang membuat tuntutan, tempoh melebihi 4 jam adalah tempoh minimum dengan pembundaran kepada jam terdekat iaitu 4 jam 15 minit jam seperti mana tuntutan elaun lebih masa;
- (c) bahawa YBrS. Tuan Pengerusi memaklumkan penetapan tempoh minimum sebagai langkah kawalan kewangan bagi memastikan kakitangan melaksanakan tugas lebih masa untuk kerja-kerja mendesak sahaja.
- (d) bahawa YBrS. Tuan Pengerusi mengingatkan sebarang salah laku dengan sengaja menunggu di pejabat bagi mencukupkan 4 jam 15 minit tanpa kerja-kerja mendesak bagi membolehkan tuntutan perjalanan dibuat adalah tidak dibenarkan. Pemakluman berhubung perkara ini juga telah dibuat oleh Unit Kewangan SKP bertarikh 1 Oktober 2025.
- (e) bahawa YBrS. Tuan Pengerusi memaklumkan sekiranya Unit Kewangan/ Ketua Unit/ Ketua Seksyen dapat mengenal pasti salah laku ini, tindakan tuan/puan akan dilaporkan terus ke Unit Integriti BPH.
- (f) bahawa YBrS. Tuan Pengerusi memberi peringatan tarikh penutupan akaun semakin dekat dan memohon semua warga kerja agar dapat segera mengemukakan dokumen lengkap bagi tujuan pembayaran ke atas perkhidmatan yang diterima dan mematuhi peraturan dan pekeling kewangan semasa yang berkuat kuasa;

- (g) seterusnya memaklumkan terdapat empat (4) usul baharu untuk dipertimbangkan dan harapan pihak pekerja agar mendapat pertimbangan dalam mesyuarat.

(III) PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat MBJ Bil. 2 Tahun 2025 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.

(IV) MAKLUMBALAS PERKARA BERBANGKIT

- (1) Tiada tindakan kepada kakitangan yang tidak hadir bekerja dan mempunyai masalah kehadiran.

- (a) Mesyuarat mengambil maklum bahawa cadangan penguatkuasaan dan pemantauan yang lebih tegas perlu diambil kepada kakitangan yang bermasalah bagi menangani isu integriti khasnya oleh Unit Integriti.

Mesyuarat bersetuju:

- (b) Agar pelaporan kehadiran pegawai bermasalah disediakan oleh penyelia dan diserahkan kepada Unit Integriti melalui Ketua Jabatan untuk tindakan sewajarnya;
- (c) Sekiranya masih berlaku isu ketidakhadiran, aduan boleh terus disalurkan kepada Ketua Jabatan; dan
- (d) Supaya penyelia membuat pemantauan berkala terhadap pegawai yang dikenalpasti mempunyai masalah ketidakhadiran.

Perhatian: UI dan Semua Seksyen

- (2) Permohonan kelulusan kemudahan telefon bimbit bagi tujuan rasmi.

- (a) Mesyuarat mengambil maklum bahawa terdapat permohonan bagi penyediaan satu unit nombor telefon bimbit rasmi untuk kegunaan Pegawai Tadbir secara gunasama di unit-unit tertentu (khususnya Unit Penguatkuasa/SPK, BK atau unit-unit lain yang berkaitan) yang kerap berurusan dengan orang awam atau jabatan. Penyediaan kemudahan ini adalah bagi memudahkan urusan rasmi tanpa perlu menggunakan nombor telefon peribadi.

Mesyuarat bersetuju:

- (g) supaya Seksyen Pengurusan Bangunan Kerajaan (SPBK) mendapatkan pertimbangan dan kelulusan dasar dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan yang akan datang sebelum pihak Putrajaya Bina Sdn.Bhd. membuat tindakan pelaksanaan dengan sewajarnya;
- (h) supaya Seksyen Khidmat Pengurusan (SKP) menyediakan pelekat kenderaan untuk warga F6 sahaja; dan
- (i) supaya SKP meletakkan papan tanda larangan parkir dan lot sementara untuk parkir sementara menunggu pelaksanaan lot parkir berbumbung disediakan;
- (j) supaya perkara ini dianggap selesai diambil tindakan oleh Seksyen berkaitan.

Perhatian: SPBK & SKP

- (4) Memperdengarkan bacaan ayat suci al-Quran dan azan Zohor serta Asar melalui sistem siar raya pejabat

Mesyuarat mengambil maklum:

- (i) bahawa terdapat permohonan warga BPH untuk memperdengarkan bacaan ayat-ayat al-Quran melalui sistem siar raya pejabat bagi kes kematian kakitangan atau ahli keluarga sebagai tanda penghormatan; dan
- (ii) bahawa terdapat permohonan untuk menyiarkan azan Zuhur dan Asar melalui sistem siar raya yang sama.


Mesyuarat bersetuju:

- (iii) supaya Unit Perhubungan Awam (UPA) dan SKP menyelaras perkara ini berkuat kuasa serta merta;
- (iv) supaya surah al-Fatihah dialukan selepas hebahan dibuat kepada semua warga melalui sistem siar raya;
- (v) supaya azan Zuhur dan Asar disiarkan melalui sistem siar raya pejabat; dan

(VI) PENANGGUHAN MESYUARAT


Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih atas kehadiran semua ahli mesyuarat, dan menangguhkan mesyuarat pada jam 5.00 petang.

Disediakan Oleh:



Norlizah binti Mainoordin
Setiausaha
Majlis Bersama Jabatan
Bahagian Pengurusan Hartanah

Tarikh: 21/10/25



Fairuz Nadia binti Abdullah
Setiausaha Pihak Pekerja
Majlis Bersama Jabatan
Bahagian Pengurusan Hartanah

Tarikh: 23/10/25

- | | | | |
|-----|---------------------------------------|---|---------|
| 7. | Cik Syarifah Hazirah binti Syed Taha | - | PT(U)3 |
| 8. | En. Ebby Saiful bin Nordin | - | PK(UK)7 |
| 9. | En. Khairul Anuar bin Idrus | - | PT(BK)4 |
| 10. | Pn. Asmalaila binti Salleh | - | PKA(IR) |
| 11. | En. Sheikh Md Saufi bin Sheikh Hussin | - | PKA(BK) |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | | | |
|----|-------------------------------------|---|-----------|
| 1. | En. Imran Jamily bin Johari | - | KPSU (IR) |
| 2. | En. Mohd Amirul Rashid bin Zainudin | - | PSU (I) |
| 3. | Pn. Azliza binti Doraman | - | PPT(N) |
| 4. | En. Mohd Faizal bin Nasir | - | PKA(DP) |

URUS SETIA

- | | | | |
|----|------------------------------|---|---------|
| 1. | En. Shahrul Hizam bin Hassan | - | PPTT(T) |
|----|------------------------------|---|---------|

LAMPIRAN B

BIL.	TAJUK USUL BAHARU	KETERANGAN/ JUSTIFIKASI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN / PENYELESAIAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
1.	Mesin pencetak (printer) untuk pegawai gred 6 ke atas.	Menyediakan mesin pencetak (printer) bagi pegawai gred 6 ke atas atau secara berkumpulan sekiranya jarak dengan mesin pencetak utama adalah jauh.	Menambah mesin pencetak individu/ berkumpulan yang berdekatan dengan "workstation"	SKP	Berdasarkan maklum balas dalam Mesyuarat JPIC T JPM, permohonan mesin pencetak secara individu di ruang legar adalah tidak dipertimbangkan Perkara ini juga merujuk kepada Arahan Keselamatan para 43(g) menyediakan bilik khas untuk menempatkan kemudahan perkakasan dan kelengkapan untuk memproses rahsia rasmi dan perkara rasmi secara elektronik. SKP telah menyediakan kemudahan mencetak yang mencukupi sebagaimana permohonan daripada pihak seksyen dalam kontrak penyewaan mesin penyalin yang terbaharu tahun ini. Selesai.

BIL.	TAJUK USUL BAHARU	KETERANGAN/ JUSTIFIKASI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN / PENYELESAIAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
2.	Pelekat kenderaan khas BPH	Pelekat kenderaan khas BPH bagi mengelakkan pihak luar menggunakan petak parkir yang dikhaskan untuk warga BPH,	Menyediakan pelekat kenderaan khas BPH,	SKP	Mesyuarat bersetuju, pelekat kenderaan disediakan oleh SKP kepada semua kakitangan tetap sahaja mengambil kira peraturan dasar sedia ada. Selesai.
3.	Gangguan mistik	Sejak kebelakangan ini terdapat gangguan mistik di F6 yang mengganggu ketenteraman warga BPH.	Mendapatkan bantuan daripada pengamal perubatan Islam untuk membuat pembersihan.		SKP akan menghubungi pihak JAWI bagi permohonan bantuan berhubung perkara ini. Selesai.

BIL.	TAJUK USUL BAHARU	KETERANGAN/ JUSTIFIKASI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN / PENYELESAIAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
4.	Waktu operasi pembukaan stor barang	Pada masa ini stor hanya dibuka pada hari Isnin, Selasa dan Rabu sahaja. Agak menyukarkan sekiranya terdapat permintaan barang yang mendesak yang perlu digunakan pada program hujung minggu.	Dicadangkan agar stor dibuka pada setiap hari atau sekurang- kurangnya selang sehari (Isnin, Rabu dan Jumaat).	SKP	SKP mengambil maklum perkara ini dan akan mengubah waktu operasi stor hari Isnin, Rabu dan Jumaat bermula 13 Oktober 2025 (Isnin) bagi melancarkan urusan warga BPH. Selesai.